


TEKA SILANG KATA PERNIAGAAN



MELINTANG

1. Penduduk yang kurang berbelanja akan memberi tekanan kepada _____ produk, dan ini akan mendorong pengeluar turunkan harga barang.
2. Keadaan kejatuhan harga barang dan permintaan secara berterusan.
6. Harga barang naik tetapi pendapatan tidak berubah, menyebabkan kuasa beli pengguna _____
9. Peningkatan permintaan boleh merangsangkan _____, kesannya dapat meningkatkan harga produk.
12. Kenaikan harga yang menyeluruh ini berlaku apabila terjadinya peningkatan _____ harga barangan secara menyeluruh dalam sesebuah ekonomi.
13. Hasil kerajaan daripada aktiviti perniagaan eksport.
14. Kerajaan akan minta bank menaikkan kadar _____ simpanan semasa berlakunya inflasi.
16. Kesan deflasi yang berterusan dan tidak dikawal akan mengheret sesebuah negara ke arah kemelesetan _____
18. Kesan deflasi. Aktiviti perniagaan akan _____
20. Kerajaan perlu mendidik peniaga sentiasa menggunakan sumber pengeluaran secara _____

MENEGAK

1. Dasar Galakan _____ : Kerajaan menggalakkan perniagaan meningkatkan pengeluaran produk yang sesuai dengan permintaan supaya harga barang dapat diturunkan.
3. Kesan deflasi. Penduduk _____ pekerjaan.
4. Inflasi akan menyebabkan kos _____ masyarakat meningkat.
5. Memberikan khidmat _____ dan perundangan, merupakan salah satu langkah tangani deflasi
7. Kesan inflasi kepada pendapatan boleh guna penduduk.
8. Fenomena kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan.
10. Kerajaan membantu perniagaan menyerap kenaikan kos dengan memberikan _____, agar harga barang yang dijual kepada pengguna tidak naik.
11. Kenaikan harga barang disebabkan peningkatan dalam kos pengeluaran.
15. Kerajaan menurunkan kadar faedah bank untuk menggalakkan penduduk ber_____
17. Pengeluar akan pindahkan kenaikan kos ke dalam _____ barang yang dijual kepada pengguna.
19. Penduduk me_____kan harga barang akan terus jatuh menyebabkan permintaan barang terus berkurangan. Pengeluar terpaksa menurunkan harga barang.